



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA


Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000

Ruj. Kami: KKM.600-30/3/1 Jld.6 (57)
Tarikh : 13 Jun 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,



SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 9 /2024

ARAHAN TINDAKAN UNTUK MENCEGAH KEMATIAN IBU YANG
DISEBABKAN OLEH KEHAMILAN LUAR RAHIM (*ECTOPIC
PREGNANCY*)

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua anggota kesihatan di sektor kerajaan dan swasta tentang langkah-langkah bagi mencegah kematian ibu yang disebabkan oleh kehamilan luar rahim (*Ectopic Pregnancy*).

2. LATAR BELAKANG

2.1 Analisa Jawatankuasa Teknikal Kematian Ibu Kebangsaan (*Confidential Enquiry into Maternal Death - CEMD*) mendapati berlaku peningkatan kematian ibu hamil yang disebabkan oleh *ectopic pregnancy* sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Bilangan kematian disebabkan oleh *ectopic pregnancy* meningkat kepada 22 kes pada tahun 2023 berbanding 15 kes pada tahun 2022. Berdasarkan data daripada hospital KKM, morbiditi kes *ectopic pregnancy* juga menunjukkan tren peningkatan iaitu 5,134 kes pada tahun 2023 berbanding tahun

2022 (4,936 kes) dan tahun 2021 (3,993 kes). Surat makluman mengenai *ectopic pregnancy* telah diedarkan terdahulu dengan rujukan KKM.600-30/3/1 Jld.5(3) bertarikh 22 Februari 2021 dan KKM.600-30/3/5 Jld.2(9) bertarikh 31 Mei 2018.

2.2 Berdasarkan analisa laporan kematian ibu, faktor utama yang dikenalpasti menyumbang kepada kematian ialah :-

a. Faktor pesakit - lewat mendapatkan rawatan apabila mempunyai simptom *ectopic pregnancy*, ditambah dengan faktor tidak tahu dirinya hamil.

b. Faktor anggota kesihatan - anggota kesihatan tidak mengesyaki *ectopic pregnancy* walaupun pesakit mempunyai tanda dan simptom, seterusnya tidak melakukan *urine pregnancy test*. Faktor lain ialah anggota gagal mendiagnosis *ectopic pregnancy* apabila dapatan pemeriksaan ultrasound diinterpretasi sebagai kehamilan *intrauterine*.

2.3 Kematian disebabkan *ectopic pregnancy* adalah kematian yang boleh dicegah, jika dikesan awal dan diikuti dengan pengendalian yang segera. Oleh itu, langkah segera perlu diambil bagi mencegah lebih banyak kematian daripada berlaku.

3. TINDAKAN

Berikut ialah langkah-langkah yang perlu diambil oleh semua pihak, sebagaimana yang disyor oleh Jawatankuasa Teknikal Kematian Ibu Kebangsaan (*Confidential Enquiry into Maternal Death - CEMD*). Arahan ini khususnya bagi anggota kesihatan barisan hadapan yang menyediakan perkhidmatan kecemasan dan pesakit luar di hospital dan klinik.

3.1 Setiap anggota kesihatan mesti mempunyai *high index of suspicion of ectopic pregnancy* dan membuat ujian /

pemeriksaan yang berkaitan jika menerima pesakit gadis / wanita dalam lingkungan umur reproduktif yang mempunyai tanda dan simptom *ectopic pregnancy*, tanpa mengira status perkahwinan. Sebagai panduan, **rujuk Lampiran 1** – Carta Alir Pengesanan *Ectopic Pregnancy*.

- 3.2 Setiap kes yang disyaki *ectopic pregnancy* mesti dikendalikan sebagai kes *emergency* dimana tindakan pengendalian mestilah dengan kadar **SEGERA** (*urgency*).
- 3.3 Usaha berterusan perlu diambil bagi meningkatkan kompetensi pegawai perubatan / pengamal perubatan untuk melakukan prosedur ultrasound obstetrik asas.
- 3.4 Semua hospital dan klinik diminta untuk meningkatkan aktiviti promosi kesihatan dan memberikan maklumat tepat mengenai *ectopic pregnancy* kepada masyarakat umum. Antara maklumat yang penting ialah tanda dan gejala *ectopic pregnancy* serta hadir segera ke fasiliti kesihatan untuk mendapatkan rawatan.

4. TARIKH PELAKSANAAN

Arahan ini berkuatkuasa mulai tarikh surat pekeliling ini dikeluarkan.

5. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan mengenai pekeliling ini, boleh dikemukakan kepada :-

Pengarah

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Kementerian Kesihatan Malaysia

Aras 7&8, Blok E10, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1

62590 PUTRAJAYA

u.p : Ketua Sektor Kesihatan Ibu

Tel : 03-88834046 /4040 /4290

6. PENUTUP


YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan diminta untuk memantau pelaksanaan langkah-langkah ini di agensi / fasiliti masing-masing dan memanjangkan arahan ini kepada semua pegawai berkaitan di bawah tanggungjawab. Komitmen semua pihak dalam mengambil langkah pencegahan kematian disebabkan oleh *ectopic pregnancy* adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN)

s.k Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan
Pengarah Bahagian Amalan Perubatan
Ketua Kepakaran O&G Kebangsaan
Ketua Kepakaran Kecemasan dan Trauma Kebangsaan
Ketua Kepakaran Perubatan Keluarga Kebangsaan

SENARAI EDARAN

A. EDARAN DALAMAN

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri WP Kuala Lumpur & Putrajaya

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri WP Labuan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

B. EDARAN LUARAN

Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan
Markas Angkatan Tentera Malaysia
Bahagian Perkhidmatan Kesihatan
Kementerian Pertahanan
Jalan Tekpi, Off Jalan Padang Tembak, WP Kuala Lumpur

Pengerusi Pusat Perubatan Universiti Malaya (UMMC)
Lembah Pantai, WP Kuala Lumpur

Pengarah Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM)
Universiti Kebangsaan Malaysia
Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar
Kampus Kuala Lumpur, Jalan Yaacob Latiff, Bandar Tun Razak
Cheras, WP Kuala Lumpur

Pengarah Hospital Sultan Abdul Aziz Shah (HSAAS)
Universiti Putra Malaysia
Serdang, Selangor

Pengarah Hospital Al-Sultan Abdullah
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Bandar Puncak Alam, Selangor

Pengarah Sultan Ahmad Shah Medical Centre
International Islamic University Malaysia (IIUM)
Jalan Sultan Ahmad Shah, Kuantan, Pahang

Pengarah Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM)
Kubang Kerian, Kelantan

Pengarah Hospital Pengajar Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
Kuala Nerus, Terengganu

Pengerusi Hospital Universiti Malaysia Sabah
Jalan UMS, Kota Kinabalu, Sabah



Presiden Malaysian Medical Association (MMA)
124, Jalan Pahang, WP Kuala Lumpur

Presiden Association of Private Hospitals of Malaysia (APHM)
Menara UOA Bangsar 5
Jalan Bangsar Utama 1, Seksyen 17, WP Kuala Lumpur

CARTA ALIR PENGESANAN ECTOPIC PREGNANCY

(untuk panduan anggota di klinik Kerajaan / klinik swasta / Jabatan Kecemasan)

